

14/09/2002

Bekalkan buku percuma kepada semua pelajar: KPPK

Noor Jaafar

KESATUAN Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) meminta kerajaan membekalkan buku teks secara percuma kepada semua pelajar di negara ini dan menghapuskan penggunaan borang Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), seperti yang diamalkan sekarang.

Langkah itu perlu dilakukan kerana wujud ketidakadilan berikutan ramai ibu bapa yang bekerja dengan sektor swasta yang berpendapatan melebihi had kelayakan iaitu RM1,500 tidak memberi maklumat sebenar ketika mengisi borang SPBT.

Setiausaha Agung KPPK, Datuk N Siva Subramaniam, berkata penipuan maklumat seperti itu tidak boleh dilakukan kakitangan kerajaan dan mereka selalunya memberi maklumat yang betul, menyebabkan anak mereka tidak layak menerima skim itu.

"Usul yang diterima sebulat suara perwakilan KPPK ini akan dikemukakan secepat mungkin kepada kerajaan.

"Apabila penggunaan borang SPBT itu dihapuskan, kita mahu kerajaan membekalkan buku teks secara percuma kepada semua pelajar negara ini," katanya selepas persidangan perwakilan KPPK, di Hotel Primula Beach Resort, di Kuala Terengganu, kelmarin.

Syarat melayakkan pelajar mendapat bantuan buku teks yang ditetapkan ketika ini ialah, bagi pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), pendapatan ibu bapa hendaklah RM1,500 ke bawah tanpa mengira bilangan anak atau tanggungan.

Sementara bagi sekolah lain iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Vokasional (SMV), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina atau Tamil adalah terletak kepada syarat ditetapkan.

Bagi keluarga yang berpendapatan RM700 ke bawah, semua anak bersekolah diberi pinjaman, manakala berpendapatan RM701 hingga hingga RM800 perbelanjaan membeli buku teks bagi seorang anak bersekolah ditanggung ibu bapa atau penjaga, sementara anak lain diberi pinjaman.

Ibu bapa berpendapatan RM801 hingga RM900, perbelanjaan membeli buku teks bagi dua anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, dan anak lain memperoleh pinjaman.

Seterusnya ibu bapa, berpendapatan RM901 hingga RM1,000, perbelanjaan membeli buku teks bagi tiga anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga, sementara anak lain layak mendapat pinjaman.

Selain itu Siva berkata, perwakilan KPPK juga mencadangkan Kementerian Pendidikan mewujudkan jawatan pembantu khas bagi meringankan tugas guru besar atau pengetua.

Beliau berkata, juruteknik juga disediakan bagi sekolah besar yang mempunyai lebih daripada 100 kakitangan dan guru bagi meringankan tugas guru besar atau pengetua yang terpaksa menjalankan kerja perkeranian dan sebagainya.

Mengenai pelaksanaan bahasa Inggeris, Siva berkata, KPPK tetap menyokong penuh dasar kerajaan itu bagi menjamin masa depan pelajar negara ini.

"KPPK tidak mahu kesilapan nahu dalam bahasa Inggeris berlaku dalam iklan jabatan kerajaan kerana ia menjejaskan imej rakyat negara ini.

"Sebab itu penggunaan bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan untuk tidak menjejaskan imej negara di kalangan pelabur dan pelancong asing," katanya.

Beliau berkata, perwakilan mahu pemimpin KPPK mengemukakan usul itu dan berbincang dengan Menteri Pendidikan.

Katanya, kebanyakan perwakilan KPPK menyokong dasar itu kecuali mereka yang tidak faham, bimbang kedudukan mereka dan ragu dengan proses pelaksanaannya.

"Perwakilan juga mahu mandat yang diberi itu dilaksanakan segera barisan kepimpinan baru KPPK, termasuk mengadakan pertemuan tertutup dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjelaskan pendirian KPPK itu," katanya.

Sementara itu, pada pemilihan exco baru KPPK, tiga muka baru telah dilantik bagi penggal 2002 hingga 2005.

Mereka ialah Setiausaha KPPK Terengganu, Anuar Ibrahim yang dipilih memenangi Naib Presiden Aliran Bahasa Melayu, Narita Mohd Noor dari Kelantan pula memenangi Naib Presiden Wanita dan Abdul Aziz Nuri sebagai Timbalan Setiausaha Agung.

Anuar yang memperoleh 40,424 undi menewaskan lima pencabarnya termasuk penyandang jawatan itu, Mahmud Hassan yang hanya memperoleh 32,888 undi, Hanapiah Embot (1134 undi), Hassan Ali (848), Wan Rahim Wan Ali (1,610) dan Zainudin Nor (1,302).

Narita memenangi Naib Presiden (Wanita) apabila memperoleh 38,713 undi menewaskan Jenny Tan Boon Hua yang memperoleh 38,713 undi, manakala Abdul Aziz memenangi Timbalan Setiausaha Agung dengan memperoleh 49,405 undi.

Tiga jawatan utama iaitu Presiden, Timbalan dan Setiausaha Agung kekal diterajui muka lama iaitu Tengku Habsah Tengku Petera, Lim Cheng Uo dan Datuk N Siva Subramaniam.

Tengku Habsah memperoleh 73,018 undi menewaskan Gurdeep Singh yang memperoleh 5,412 undi, Lim (73,132 undi) juga mengalahkan Gurdeep Singh (3,924 undi), manakala Siva memperoleh 63,928 undi menewaskan Mokhtar Ahmad yang memperoleh 14,429 undi.

Siva ketika mengumumkan keputusan itu berkata, pemilihan itu membabitkan 103,363 kertas undi yang dijalankan sejak 15 Ogos lalu dan hampir 80 peratus ahli terbabit dalam pemilihan itu.

Selain itu, Tey Meng Seng kekal sebagai Naib Presiden (Bahasa Cina), Rajah Krishnswamy (Naib Presiden Bahasa Tamil), Abdul Aziz dan Sundralingam Saminathan (Timbalan Setiausaha Agung), Lok Yim Phen (Bendahari Agung).